



KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

SIARAN MEDIA

MOD.100/2/1/2 JLD 6 (12) 01/03

PROGRAM PEDULI VETERAN TIMBALAN MENTERI PERTAHANAN SANTUNI VETERAN ATM DI LANGKAWI

Langkawi, 3 Mac 2024 - YB Adly bin Zahari, Timbalan Menteri Pertahanan telah memulakan siri Program Peduli Veteran (PPV) bagi tahun 2024 di peringkat Negeri Kedah diiringi Mejah Jeneral Zambery Jefry bin Haji Darus, Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV). Pada program kali ini, YB Adly telah melaksanakan lawatan kebajikan dan menyantuni 4 orang Veteran ATM di sekitar Langkawi. PPV ATM bagi tahun 2024 ini akan terus menumpukan kepada **5 aspek utama** iaitu: kebajikan, kesihatan, perumahan, pendidikan, dan pemeriksaan (*empowerment*).

Pengisian PPV merangkumi lawatan kebajikan ke rumah veteran yang memerlukan bantuan dan yang mengalami sakit kritis, uzur serta hidup dalam keadaan daif. Disamping bertanya khabar, turut diselitkan penyerahan bantuan peralatan pesakit seperti katil pesakit, kerusi roda, tongkat, lampin pakai buang dan susu serta penyampaian sumbangan wang tunai dan kotak makanan pada veteran yang diziarahi.

Pada hari ini, YB Timbalan Menteri Pertahanan telah menyantuni 4 orang Veteran ATM tidak berpencen iaitu Encik Arif bin Abd Rahman (1053711) yang berusia 61 tahun di Kampung Penarak, Kuah. Isteri veteran, Puan Noriah binti Ahmad, 60 tahun mengidap sakit kencing manis dan menyebabkan tumit kanan beliau dipotong. Veteran bekerja sebagai nelayan dan adalah merupakan penerima Bantuan Sara Hidup JHEV ATM.

Lawatan kebajikan ke atas veteran kedua Encik Adnan bin Mustaffa (179667), berusia 67 tahun yang menghidap sakit saraf dan tidak dapat bergerak kini dijaga oleh anak-anak beliau di Kg Seberang Kelibang, Kuah. Veteran adalah penerima Bantuan Sara Hidup, Bantuan Peralatan Sakit dan bantuan susu. Veteran yang tidak dapat bergerak dijaga oleh anak-anak beliau.

Veteran ketiga yang diziarahi ialah Encik Rahmat bin Shaari (1048420) berumur 72 tahun dan mengidap sakit tua di Kg Kumpulan A, Ulu Melaka. Beliau tinggal bersama isteri, Puan Noriah binti Darus yang mengidap penyakit saraf, parkinson dan kemurungan.

Manakala veteran keempat iaitu Encik Teh bin Md Saman (1035266) berumur 82 tahun di Kg Belak, Mukim Kedawang yang mengalami strok pada tangan kanan. Veteran hidup sebatang kara dan menumpang rumah adik beliau menerima Bantuan Sara Hidup dan semua bantuan khas kewangan melalui JHEV ATM.

📍 Jalan Padang Tembak 50634 Kuala Lumpur, Malaysia



Kementerian Pertahanan Malaysia



mindefmalaysia



MINDEFMalaysia



www.mindef.gov.my



mindefmalaysia

YB Timbalan Menteri Pertahanan juga telah menjalani usahawan Veteran ATM yang mencebur perniagaan melalui PPV kali ini. Mereka adalah Encik Muhammad bin Jaafar (9000410) yang menjadi agen jualan kerepek pisang dan Encik Mohd Azam bin Ibrahim (533557) yang mengusahakan warung jualan makanan di Kg Bubor Temonyong, Mukim Kedawang. Inisiatif jejak usahawan Veteran ATM ini merupakan usaha untuk mengenal pasti usahawan Veteran ATM bagi tujuan pengumpulan data selain menyampaikan bantuan serta mempromosikan produk dan perkhidmatan mereka melalui platform media sosial JHEV.

PPV merupakan salah satu manifestasi Kementerian Pertahanan dalam menjaga kebajikan Veteran ATM dalam memastikan agenda kebajikan Veteran ATM dan tanggungannya sentiasa diutamakan. Impak positif berjaya direalisasikan daripada inisiatif Program Peduli Veteran yang amat bermakna ini dalam agenda memastikan kebajikan dan kesejahteraan Veteran ATM terus terbela dan sentiasa terpelihara sejajar dengan jasa bakti dan pengorbanan yang Veteran ATM curahkan selama ini dalam menentukan keamanan dan keselamatan negara. Lebih ramai Veteran ATM yang terkesan berjaya disantuni bagi mendengar keluh kesah mereka secara bersemuka dan mampu meningkatkan semangat patriotisme di kalangan masyarakat.

Sebanyak 16 program PPV telah dirancang untuk dilaksanakan di seluruh negara pada tahun 2024, termasuk wilayah Sabah dan Sarawak. Ianya bagi memastikan semua Veteran ATM di seluruh negara dapat menikmati bantuan dan kemudahan yang disediakan oleh JHEV ATM. Bagi tahun 2024, JHEV ATM telah diperuntukkan sebanyak RM244 juta bagi penyediaan Skim Bantuan Kebajikan kepada Veteran ATM yang meliputi aspek kesihatan, pendidikan, perumahan termasuk Bantuan Sara Hidup. Pada tahun ini, kerajaan telah meningkatkan peruntukan Bayaran Sara Hidup sebanyak tiga kali ganda iaitu daripada RM54 juta kepada RM174 juta. Sehingga 1 Mac 2024, seramai 26,551 veteran telah menerima faedah ini. Kementerian Pertahanan beriltizam untuk terus komited mempertingkatkan Program Peduli Veteran melalui siri lawatan kebajikan yang akan datang agar tiada Veteran ATM yang terpinggir daripada menerima insentif yang disediakan.

Program lawatan ini turut dihadiri oleh Mej Mohd Izmer bin Ghazali TUDM, Pengarah JHEV ATM Cawangan Kedah, Perlis dan Pulau Pinang, Persatuan Veteran ATM (PVATM), Persatuan Veteran Angkatan Tentera Tidak Berpencen Malaysia (PVATTBM) serta persatuan-persatuan veteran sekitar negeri utara semenanjung.

-TAMAT-

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

Kementerian Pertahanan Malaysia
3 Mac 2024 (Dikeluarkan pada 12.30 tengah hari)